

CNS6248

U GB 13-01 00171 BB563

BAH

Mahathir - Hotel

**PERDANA MENTERI INGATKAN HOTEL JANGAN NAIKKAN HARGA**

KANGAR, 13 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau ingin melihat hotel-hotel di negara ini tidak menaikkan kadar sewa bilik kecuali perlu supaya Malaysia terus menjadi tempat kunjungan pelancong.

Katanya, hotel-hotel perlu mengekalkan harganya pada kadar yang termampu oleh pelancong supaya bilangan pelancong terus bertambah dan pendapatan negara meningkat.

Ketika merasmikan Hotel Pens Travelodge Kangar di sini, hari ini, beliau berkata, hotel-hotel bertaraf antarabangsa bukan sahaja perlu mengekalkan kadar sewa biliknya kepada harga yang termampu oleh pelancong asing tetapi juga oleh rakyat tempatan.

Ini kerana perniagaan hotel kini tidak lagi semata-mata bergantung kepada pelanggan rakyat asing tetapi ia juga mengharapkan pelanggan tempatan untuk mendapat keuntungan, katanya.

"Pada zaman kolonial, hotel-hotel besar hanya mendapat langganan pelawat dari luar negara dan beberapa pegawai dagang yang ada di negara ini tetapi apabila jumlah mereka tidak terlalu ramai, agak sukar hotel-hotel antarabangsa didirikan di Malaysia," katanya. -- Lagi.

▼13/01/20-10MST

CNS6250

U GB 13-01 00129 BB564

BAH

Mahathir - Hotel 2 Kangar

Menurut Perdana Menteri, taraf pendapatan rakyat tempatan kini juga telah meningkat sehingga mereka mampu dan lebih selesa menggunakan kemudahan di hotel-hotel bertaraf antarabangsa.

Selain itu, katanya, kerajaan meminta kerjasama rakyat dan para peniaga supaya bekerjasama mengawal inflasi.

Katanya, peningkatan inflasi hanya akan menyebabkan kos barang dan perkhidmatan meningkat dan pendapatan tinggi yang diperolehi rakyat tidak bermakna.

"Bukti bahawa ketiadaan inflasi memainkan peranan penting dapat diukur menerusi kesetaraan kuasa membeli. Sungguhpun pendapatan per kapita rakyat negara ini ialah sebanyak ASS3,250 tetapi dengan wang sebanyak itu di Malaysia nilainya sama seperti ASS7,200 di Amerika Syarikat," katanya.

"Kita sebenarnya mendapat pendapat yang lebih baik walaupun angkanya rendah dan rakyat perlu faham perkara ini," tambahnya. -- Lagi.

▼13/01/20-14MST

CNS6272

U GB 13-01 00180 BB568

BAH

Mahathir - Hotel 3 (Akhir) Kangar

Beliau yakin dengan adanya hotel bertaraf antarabangsa itu, para pelawat akan datang ke bandar ini.

"Dahulu, Kangar dianggap terpencil dan kadang-kadang difikir ketinggalan tetapi kini jelas banyak kemajuan telah dicapai Perlis dan satu daripadanya ialah hotel bertaraf antarabangsa ini.

"Saya sedar dahulu pelawat yang ada tugas di Kangar biasanya pada malamnya pulang ke Alor Setar kerana di sini tidak ada tempat menginap yang selesa, sekarang saya yakin mereka tidak lari lagi dari Kangar," katanya.

Hotel yang mempunyai 145 bilik itu dibina dengan kos RM28 juta ialah milik anak syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) dan diurus oleh kumpulan Southern Pacific Hotel Corporation (SPHC), yang juga mengurus hotel Park Royal di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan beberapa hotel lain di rantau ini.

Pada majlis itu, Puan Louise Bulley, isteri kepada Pengurus Besar Pens Travelodge Kangar, Encik Jolyon Bulley, menyampaikan sumbangan bantuan RM1,000 kepada Persatuan Badminton Malaysia yang diterima penaungnya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali. -- Bernama.

KHY KAM.

▼13/01/20-35MST